



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KESEJAHTERAAN BANDAR)  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Aras 17,  
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : +(6)03-8891 4222  
Faks : +(6)03-8891 5170

Rujukan : KPCT.800-7/2/1-JLD. 5 (60)  
Tarikh : *6* April 2020

CP Dato' Zainal Abidin Bin Kasim  
Pengarah  
Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti,  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia,  
Bukit Aman,  
**50560 Kuala Lumpur**

YBhg. Dato',

**PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PERLU SEMASA TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI PREMIS KEDIAMAN BERSTRATA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 15/2020 bertarikh 4 April 2020 telah bersetuju agar pihak pengurusan premis kediaman berstrata beroperasi dengan bilangan pekerja yang hadir ke pejabat pengurusan strata tidak boleh melebihi 2 orang pada satu-satu masa dalam tempoh PKP.
3. Untuk makluman YBhg. Dato', pihak pengurusan iaitu *Joint Management Body* (JMB) dan *Management Corporation* (MC) di bawah pengawalseliaan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil pekerja atau melantik pengurus harta untuk menguruskan skim strata masing-masing. Ini bagi memastikan perkhidmatan penting seperti bekalan air, elektrik, pembersihan dan pengurusan sisa pepejal, kawalan keselamatan, telekomunikasi, pembentungan serta penyelenggaraan mekanikal seperti lif tidak tergendala. Justeru, pejabat pengurusan perlu dibuka untuk pengoperasian sesebuah skim strata tetapi ditutup kepada orang ramai (*public*) dalam tempoh PKP bagi menghadkan pergerakan komuniti strata dan memastikan pematuhan amalan pencegahan wabak COVID-19.
4. Bagi memastikan pengurusan di bangunan berstrata dilaksanakan dengan baik dan teratur JMB, MC atau syarikat pengurus harta yang dilantik untuk menguruskan sesebuah skim strata dalam tempoh PKP hendaklah mematuhi langkah-langkah berikut:

- (i) JMB/MC/syarikat pengurus harta hendaklah mengeluarkan surat pengesahan pekerja bagi sesbuah skim strata;
- (ii) Masa bekerja hanya bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja;
- (iii) Bilangan pekerja JMB/MC atau pengurus harta yang hadir tidak boleh melebihi 2 orang pada satu masa bagi pengoperasian skim strata;
- (iv) JMB/MC/syarikat pengurus harta hendaklah melaksanakan saringan dan pencegahan wabak COVID-19 bagi memastikan keselamatan pekerja;
- (v) Pekerja / pengurus harta hendaklah mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) dalam lingkungan sekurang-kurangnya 1 meter di antara individu serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan, kawalan serta sanitasi COVID-19; dan
- (vi) JMB/MC/syarikat pengurus harta perlu mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mencegah COVID-19 bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, penyedia perkhidmatan, penduduk dan semua pihak yang berada di dalam skim strata selari dengan arahan Kerajaan dari masa ke semasa.

5. Di atas perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK AZHAR BIN AHMAD)

Salinan kepada:

1. Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam,  
Polis Diraja Malaysia  
(u.p: SAC M.V. Srikumar Nair)
2. Semua Pesuruhjaya Bangunan (COB)
3. Board Of Valuers, Appraisers, Estate Agents and Property Managers  
(LPPEH)
4. National House Buyers Association (HBA)
5. Malaysian Institute Of Properties And Facilities Managers (MIPFM)
6. Association Of Valuers, Property Managers, Estate Agents and Property  
Consultants In The Private Sector Malaysia (PEPS)
7. Property Surveying Section Of Royal Institution Of Surveyors Malaysia  
(RISM)